

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KETIGA, PENGGAL KETIGA,
PARLIMEN KE-14**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM
[ARAU]**

TARIKH : 10 DISEMBER 2020 (KHAMIS)

SOALAN

DATO' SERI DR. SHAHIDAN BIN KASSIM [ARAU] minta **MENTERI KEWANGAN** menyatakan:-

- (a) adakah pihak Kerajaan berhasrat melanjutkan moratorium yang dilihat akan memberi kesan yang positif kepada pembangunan pemulihan ekonomi rakyat bagi menghadapi situasi COVID-19; dan
- (b) sejauh manakah bantuan makanan yang diberikan oleh kerajaan terhadap kawasan PKPB dan PKPDB tiba pada waktu ditetapkan.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

1. Seajar dengan pembukaan semula hampir keseluruhan sektor ekonomi dan seperti yang telah diumumkan dalam Belanjawan 2021, kecuali bagi PKS yang mempunyai pinjaman tidak melebihi RM150,000 dan kumpulan B40, moratorium kini dilaksanakan secara bersasar kepada golongan yang terjejas sepanjang tahun 2020 sehingga tahun 2021.
2. Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat atau (KPWKM) merupakan satu daripada kementerian di bawah kategori *frontliner* yang bertanggungjawab membantu rakyat yang terkesan akibat

daripada pelaksanaan Perintah Kawalan Pergerakan atau (PKP). KPWKM melalui Jabatan Kebajikan Masyarakat atau (JKM) telah dipertanggungjawab untuk menguruskan pemberian bantuan bakul makanan kepada masyarakat yang terkesan akibat COVID-19 ini.

3. Secara keseluruhannya peruntukan sebanyak RM47.42 juta telah diberikan kepada KPWKM untuk membuat agihan bakul makanan kepada masyarakat yang terkesan dengan pelaksanaan PKP ini. Sehingga kini, JKM telah mengagihkan bakul makanan kepada seramai 820,723 Ketua Isi Rumah dan memanfaatkan 3.2 juta Ahli Isi Rumah di seluruh negara. Selepas pelaksanaan PKP, Kerajaan telah melaksanakan Perintah Kawalan Pergerakan Diperketatkan atau (PKPD) dan Perintah Kawalan Pergerakan Bersasar atau (PKPB) di beberapa kawasan tertentu yang mempunyai kes positif COVID-19 yang tinggi.

Tuan Yang Di-Pertua,

4. Pengagihan bakul makanan bagi kawasan PKPD dan PKPB diletakkan di bawah Majlis Keselamatan Negara melalui Jawatankuasa Pengurusan Bencana Negeri dan Daerah. Pengagihan berkenaan bagi kawasan tersebut dibuat dengan kerjasama pelbagai agensi di bawah Jawatankuasa Bencana untuk memastikan bakul makanan sampai kepada kumpulan sasar tepat pada masanya. Penyelarasan pada peringkat daerah akan dibuat oleh Pegawai Daerah selaku Pengerusi Jawatankuasa Pengurusan Bencana Daerah. Kerjasama pelbagai agensi di bawah jawatankuasa ini akan dapat memastikan bekalan makanan sampai kepada penduduk dengan cepat dan lebih efisien.

Sekian, terima kasih.